

2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

4. Nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme di negara lain di Asia Tenggara yang bersifat antipenjajah dan memperjuangkan kemerdekaan. Gerakan Nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan. (Buku teks m.s. 31)

(a) Jelaskan pemodenan dan dasar terbuka pemerintah Thailand yang membolehkan negara tersebut mengekalkan kemerdekaanya. [6 markah]

(b) Pemerintahan Raja Vajiravudh telah menyebabkan kemunculan semangat nasionalisme dalam kalangan Rakyat di Thailand. Huraikan. [6 markah]

(c) Sejarah membuktikan kewibawaan pemimpin dalam sesebuah negara mampu mengelakkan penjajahan asing. Berikan pandangan anda. [8 markah]

2.7 Perkembangan Nasionalisme

5. Perkembangan nasionalisme di negara kita dapat dilihat dari tiga aspek iaitu dipelopori oleh golongan intelektual, penulisan dan kewujudan pertubuhan atau persatuan. (Buku teks m.s. 36-41)

(a) Bagaimanakah golongan intelektual berpendidikan Inggeris berperanan dalam kebangkitan nasionalisme di negara kita? [6 markah]

(b) Jelaskan perjuangan nasionalisme oleh tokoh-tokoh nasionalis melalui penulisan akhbar dan majalah di Tanah Melayu. [6 markah]

(c) Golongan Intelektual memainkan peranan penting dalam membangunkan sesuatu bangsa. Berikan penjelasan anda. [8 markah]
